



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

UCAPAN

YBRS EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

FORUM JABATAN STANDARD MALAYSIA BERSAMA

PENILAI AKREDITASI

17 OKTOBER 2023

HOTEL DORSETT, PUTRAJAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam sejahtera, Tuan/Puan yang saya hormati, Pengarah Akreditasi, En. Wan Rukiman Wan Mamat, dan juga pegawai-pegawai Jabatan Standard Malaysia.

Selamat datang ke Forum Jabatan Standard Malaysia (JSM) Bersama Penilai Akreditasi 2023 yang akan berlangsung selama dua (2) hari. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penilai di atas dedikasi dan komitmen yang telah diberikan terutama terhadap aktiviti akreditasi yang dijalankan di bawah JSM. Forum ini merupakan platform penting untuk kita berkumpul, berkongsi pandangan dan pendapat secara kolektif menavigasi landskap dinamik ke atas badan-badan penilaian pematuhan yang ditunjangi oleh para penilai khususnya.

Tuan/Puan,

Sebagaimana yang Tuan/Puan sedia maklum, JSM merupakan sebuah Jabatan Kerajaan di bawah naungan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah dijenamakan semula dan kini dikenali sebagai Kementerian Pelaburan, Perdagangan Dan Industri dengan mengekalkan akronim sama iaitu MITI. Penjenamaan itu seiring dengan keputusan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Mesyuarat Kabinet, 5 April 2023 lalu dan bertepatan dengan fungsi Kementerian sebagai peneraju dan bertanggungjawab untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing, memperkasakan pelaburan tempatan, memantapkan perdagangan antarabangsa serta memperkasakan pembangunan industri yang lestari dan mampan.

Tuan/Puan yang saya hormati,

Suka saya mengambil kata-kata dari Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri semasa pembentangan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) 2021-2025, di Dewan Rakyat pada 11 September 2023 baru-baru ini di mana kerajaan amat menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan tren ekonomi global, kedudukan kewangan Kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2021-2022 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12).

Berdepan dengan kemelut tersebut, negara dituntut untuk melakukan anjakan secara tegas dan menyeluruh. Maka, Kerajaan telah mengikhtiarkan gagasan Malaysia MADANI dan menyusul dengan kerangka Ekonomi MADANI. Kerangka dasar tersebut telah dicerakin dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) sebagai prakarsa baharu bagi memacu pertumbuhan sosioekonomi Malaysia untuk tempoh sepuluh tahun. Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) merupakan kerangka dasar industri yang menyasarkan kemasukan pelaburan bernilai tinggi buat negara seperti aeroangkasa, elektrik dan elektronik, automotif, kimia dan farmaseutikal. NIMP 2030 menyasarkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan baru untuk rakyat dengan gaji penengah setinggi RM4,510 sebulan pada akhir tempoh pelaksanaannya.

Tuan-Puan yang saya hormati sekalian,

Kestabilan ekonomi dan pertumbuhan yang mampan tidak akan dapat dicapai tanpa infrastruktur kualiti kebangsaan (*National Quality Infrastructure*, NQI) yang kukuh. Bagi menyokong usaha kerajaan, JSM telah menjalankan satu kajian menyeluruh untuk menilai ekosistem infrastruktur kualiti negara di bawah Projek *Arise Plus Malaysia - Trade-Related Technical Assistance (TRTA) Programme*. Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek *supply & demand* perkhidmatan Infrastruktur Kualiti Kebangsaan (NQI), serta kerangka undang-undang dan pengawalseliaan yang sedia ada di negara ini.

Laporan tersebut, yang diterbitkan pada tahun 2022, menggariskan semakan infrastruktur kualiti Malaysia, mengenal pasti jurang dan cadangan untuk peningkatan, dan melakukan analisis perbandingan dengan beberapa negara rujukan seperti Australia, Jerman, Mexico, dan Indonesia. Dapatan daripada laporan tersebut juga telah dijadikan asas untuk membangunkan kerangka Polisi Kualiti Kebangsaan yang telah melalui beberapa sesi libat urus dan sedang diperhalusi bagi menambahbaik ekosistem infrastruktur kualiti negara.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Dalam meningkatkan kesejahteraan dan membudayakan masyarakat madani, kerajaan tidak hanya tertumpu kepada aspek ekonomi dan pendapatan rakyat semata-mata, malah turut mencakupi sisi kesejahteraan yang lebih menyeluruh untuk mengangkat darjat dan martabat rakyat, dan ini termasuk aspek kerohanian, kesihatan, perumahan, perpaduan sosial dan pemeraksanaan masyarakat.

Seperti mana yang Tuan/Puan maklum, negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021, apabila peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas mencapai 7% daripada jumlah penduduk berdasarkan takrifan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah penduduk. Peralihan ini tentunya memberikan kesan kepada pembangunan sosioekonomi dan kedudukan fiskal negara. Kesan yang paling ketara ialah penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti serta peningkatan komitmen kewangan Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kepada ramai warga emas. Bagi menghadapi cabaran ini, Kerajaan sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan.

Saya juga difahamkan, JSM melalui Bahagian Akreditasi telah menetapkan umur persaraan penilainya pada umur 68 tahun sejak 4 Mei 2021. Namun begitu, kita masih membenarkan para penilai kita yang telah mencapai umur sebegini untuk terus melaksanakan penilaian tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan mengambil kira faktor kesihatan dan keselamatan. JSM mengambil berat akan perkara ini kerana kita tidak mahu sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku semasa penilaian dilaksanakan.

Untuk makluman Tuan/Puan juga, berdasarkan rekod, seramai 55 penilai JSM adalah terdiri daripada mereka yang telah mencapai umur 68 tahun ke atas. Kebanyakan penilai ini masih aktif dan bertindak sebagai Ketua Penilai kepada kebanyakan Badan Penilaian Pematuhan (CAB) untuk beberapa disiplin atau bidang tertentu. Statistik penilai mengikut bilangan skop akreditasi CAB telah diwujudkan dan mendapati JSM mempunyai bilangan penilai yang mencukupi untuk membuat penilaian bagi

perkhidmatan akreditasi yang disediakan. Sehingga 15 Nov 2022, JSM telah mengambil 896 penilai untuk semua skim dan program.

Oleh itu, pengambilan penilai baharu untuk SAMM CT, SAMM MT dan MIBAS turut dihentikan sementara sehingga 2024 bagi memastikan penyertaan optimum semua penilai.

Tuan-Puan yang dihormati,

Integriti merupakan satu sifat yang amat dititik beratkan. Aktiviti akreditasi juga menekankan konsep *impartiality* atau berkecuali yang merupakan aspek penting dalam menjaga integriti. Pada 1 Julai 2022, JSM juga telah berjaya menerbitkan Pelan Antirasuah Jabatan Standard Malaysia 2022 – 2026 (OACP JSM 2022 – 2026). Dokumen OACP ini merupakan pelan yang melengkapi dasar antirasuah JSM dengan objektif ke arah merealisasikan komitmen JSM untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam pelaksanaan aktiviti standardisasi dan akreditasi kebangsaan.

Dokumen OACP ini adalah selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 2 dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 bagi meletakkan Malaysia ke satu tahap yang tinggi di persada ekonomi dunia. Hebahan maklumat berkaitan pencegahan rasuah dan meningkatkan kesedaran integriti di kalangan semua penilai Jabatan merupakan salah satu inisiatif yang terkandung dalam OACP ini.

Integriti penilai dalam menjalankan penilai juga menjadi satu kayu ukur penting dalam menilai keberkesanan OACP. Justeru, saya menyeru semua penilai supaya menjalankan penilaian dengan penuh integrity bagi

menyokong usaha jabatan seterusnya negara membanteras gejala rasuah, tidak mengamalkan amalan meminta, menerima atau menawarkan rasuah.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah dan syukur saya panjatkan ke Ilahi ke atas pencapaian JSM pada tahun 2022. Antara pencapaian JSM berkaitan akreditasi makmal pengujian perubatan yang turut dimuatkan dalam laporan berkenaan adalah peningkatan bilangan makmal pengujian perubatan sebanyak 9 iaitu daripada 78 kepada 87.

Di sebalik semua yang telah saya perkatakan tadi, ada satu topik khusus yang saya ingin sentuh, iaitu peralihan standard baru ISO 15189:2022. Ini merupakan standard yang penting dalam bidang makmal perubatan, menunjukkan keputusan makmal yang berkualiti tinggi untuk kesihatan pesakit. Kita semua faham bahawa keberkesanan dan ketepatan keputusan makmal perubatan memainkan peranan penting dalam diagnosis, rawatan dan pemantauan pesakit.

Dengan pengenalan standard baru ISO 15189:2022, ia menuntut badan-badan akreditasi serta makmal-makmal di seluruh dunia untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka dan memastikan keserasian dalam piawaian pengujian. Ini bukanlah tugas yang mudah, tetapi kita percaya bahawa dengan komitmen dan dedikasi dari semua pihak, terutama para penilai kita yang dihormati, kita mampu menjalankan peralihan ini dengan lancar.

Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

Sebelum saya akhiri ucapan ini, marilah kita sama-sama mengambil peluang dan ruang yang disediakan untuk saling bertukar fikiran dan idea secara terbuka selain menerima sebarang teguran dengan positif demi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh JSM kepada CAB khususnya dan rakyat amnya adalah yang terbaik dan disenangi banyak pihak

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua atas dedikasi, kepakaran, tunjuk ajar khususnya kepada pegawai-pegawai saya selama ini dalam mengejar kecemerlangan tanpa henti. Dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya merasmikan Forum Jabatan Standard Malaysia Bersama Penilai Akreditasi 2023.

Sekian, terima kasih.